

## **KESIMPULAN**

Apabila maharaja Le meluluskan permohonan Nguyen Hoang dengan melantik beliau sebagai gabenor di Thuan Hoa, Vietnam Tengah pada tahun 1558 akibat daripada perebutan kuasa di antara gabenor Trinh dan Nguyen, ia telah membuka lembaran baru dalam sejarah Vietnam. Keputusan yang dibuat oleh Maharaja Le telah membawa impak yang mendalam kepada negara Vietnam kerana perlantikan tersebut telah membuka laluan kepada Nguyen Hoang untuk membentuk kerajaan baru di selatan Vietnam.

Walaupun kedua-dua Trinh dan Nguyen masih mengakui maharaja Le sebagai ketua pemerintah yang rasmi di Dai Viet (Vietnam) dengan ibu kotanya di Thang Long (Hanoi), namun Dai Viet tetap dibahagikan kepada dua pentadbiran yang berbeza dan bertentangan di antara satu sama lain sejak tahun 1558. Akibatnya, maharaja Le terpaksa mengongsi kuasa di antara kerajaan Trinh (utara Vietnam) dan kerajaan Nguyen (selatan Vietnam). Sejak waktu itu, perang demikian perang telah berlaku di antara kerajaan Trinh di utara Vietnam dengan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam. Keadaan tersebut telah menyebabkan politik Vietnam dalam keadaan yang tidak stabil sehingga tahun 1802 apabila Vietnam disatukan oleh maharaja Gia Long.

Setelah mendirikan kerajaan di Thuan Hoa pada tahun 1558, gabenor Nguyen Hoang mula merancang mengukuhkan kerajaannya dengan meluaskan tanah jajahannya ke kawasan lain di selatan Vietnam. Matlamat pemerintah Nguyen Hoang adalah mendirikan sebuah kerajaan tersendiri yang berpisah daripada istana Le di utara

Vietnam memandangkan peluang untuk beliau mengembalikan kuasa dan pengaruhnya di istana Le adalah tipis. Untuk mencapai matlamat tersebut, pemerintah Nguyen Hoang telah mengamalkan dasar terbuka dengan menggalakkan lebih ramai orang datang ke selatan Vietnam untuk meneroka dan memajukan kawasan-kawasan tersebut yang mundur dan terbiar iaitu sejajar dengan matlamat perluasan kuasanya ke selatan Vietnam.

Semasa pemerintah Nguyen Hoang menjadi gabenor di Thuan Hoa, beliau telah menjadikan Thuan Hoa sebagai ibu kota kerajaan selatan Vietnam. Bandar yang berdekatan dengan Thuan Hoa iaitu Hoian telah dimajukan sehingga menjadi sebuah pelabuhan antarabangsa yang maju pada abad ke-17 dan abad ke-18. Kehadiran kapal-kapal dagang asing terutamanya jong-jong Cina yang banyak di pelabuhan Hoian telah menyumbang sumber kewangan yang lumayan kepada kerajaan Nguyen melalui pungutan cukai import dan eksport daripada para pedagang. Sumber kewangan tersebut membolehkan kerajaan Nguyen melengkapkan pasukan tenteranya dengan alat senjata yang moden untuk menentang serangan daripada kerajaan Trinh di utara Vietnam.

Dari tahun 1627 hingga tahun 1672 iaitu dalam tempoh 45 tahun, berlaku tujuh kali peperangan di antara kerajaan Trinh di utara Vietnam dan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam. Sepanjang tempoh 45 tahun tersebut, para pemerintah Nguyen iaitu Nguyen Phuc Nguyen (1613-1635), Nguyen Phuc Lan (1635-1648) dan Nguyen Phuc Tan (1648-1687) berjaya mempertahankan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam dengan menumpaskan tentera kerajaan Trinh di utara Vietnam. Keadaan sedemikian telah memaksa kerajaan Trinh mengadakan perjanjian damai dengan kerajaan Nguyen.

Selepas mengadakan genjatan senjata di antara kedua-dua kerajaan, kerajaan Trinh dan kerajaan Nguyen menstrukturkan semula pasukan tentera dan pentadbiran masing-masing. Perang saudara di antara Trinh dengan Nguyen telah menjaskankan kadar perkembangan di utara Vietnam dan selatan Vietnam kerana peruntukan kewangan yang besar telah diluluskan untuk mengukuhkan pasukan tentera masing-masing untuk mempertahankan kerajaan sendiri.

Maka pada tahun 1679, apabila kira-kira 3000 orang pegawai dan tentera Cina serta ahli keluarga mereka di bawah pimpinan Tran Thuong Xuyen dan Duong Ngan Dich mendarat di Thuan An (Thua Thien atau Thuan Hoa) di Vietnam Tengah untuk mencari perlindungan politik selepas kerajaan dinasti Ming digulingkan oleh kerajaan Qing pada tahun 1644, mereka meminta kebenaran daripada kerajaan Nguyen Phuc Tan (Chua Hien, 1648-1687) yang berada di Thuan Hoa untuk meneroka tanah. Sebagai balasan, mereka akan membayar cukai kepada kerajaan Nguyen di Thuan Hoa. Peluang ini telah diambil oleh pemerintah Nguyen Phuc Tan dengan membenarkan mereka meneroka tanah di Dong Nai dan My tho yang terletak di selatan Vietnam yang juga dikenali sebagai *Nam Ky*.

Tindakan pemerintah Nguyen Phuc Tan yang membenarkan golongan imigran Cina ini meneroka kawasan selatan Vietnam dianggap tepat dan bijak untuk mencapai matlamat perluasan kuasanya ke selatan. Bagi pemerintah Nguyen Phuc Tan, golongan imigran Cina ini merupakan kuasa tentera yang kuat dan sumber kewangan kepada kerajaan Nguyen untuk menentang kerajaan Trinh di utara Vietnam. Strategi pemerintah Nguyen Phuc Tan terbukti berkesan apabila kawasan Nong Nai (Bien Hoa) dan My tho

serta kawasan lain di selatan Vietnam telah dimajukan oleh golongan imigran Cina ini. Keadaan yang makmur di selatan Vietnam secara tidak langsung telah menarik lebih ramai orang Cina terutamanya pedagang Cina datang berdagang di selatan Vietnam kerana menganggap kawasan ini penuh dengan peluang ekonomi yang cerah.

Kehadiran imigran Cina di selatan Vietnam terutamanya pada abad ke-17 dan abad ke-18 telah menukar komposisi masyarakat selatan Vietnam. Pengikut setia dinasti Ming yang bertapak di selatan Vietnam telah mendirikan kampung *Minh Huong* seperti di Thuan Hoa, Hoian, dan Phien Tran (Gia Dinh) pada abad ke-17 dan abad ke-18 untuk menunjukkan taat setia mereka kepada dinasti Ming. Justeru itu wujudnya golongan *Minh Huong* yang merujuk kepada keturunan hasil perkahwinan lelaki Cina dinasti Ming dengan wanita Vietnam yang tinggal di selatan Vietnam. Selain itu, turut wujudnya kampung *Thanh Ha* di Tran Bien (Bien Hoa) yang merujuk imigran Cina yang datang dan tinggal di selatan Vietnam semasa dinasti Qing di China.

Untuk berhadapan dengan transformasi yang besar ini dalam komposisi masyarakat selatan Vietnam, sikap toleransi antara kaum di selatan Vietnam adalah amat penting untuk menjaga keamanan dan keharmonian masyarakat selatan Vietnam. Selain itu, keharmonian dan kerjasama yang erat antara pelbagai kaum juga amat penting untuk mengukuhkan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam. Atas kebijaksanaan para pemerintah Nguyen sepanjang dinasti Nguyen (1558-1777), penduduk pelbagai kaum di selatan Vietnam bukan sahaja dapat hidup aman damai malah semua kaum bekerjasama membangunkan selatan Vietnam.

Matlamat kerajaan Nguyen untuk meluaskan tanah jajahannya ke selatan Vietnam tercapai apabila Mac Cuu yang berhijrah dari negara China ke Hatien (bekas tanah jajahan Champa) pada tahun 1671 berjaya mengalahkan tentera Kemboja dengan bantuan daripada kerajaan Nguyen pada abad ke-18. Pada tahun 1708, Mac Cuu dilantik sebagai gabenor Hatien oleh kerajaan Nguyen dan pada tahun 1715 Hatien menjadi tanah jajahan selatan Vietnam. Atas usaha orang Vietnam, orang Cina dan orang Khmer di bawah pimpinan Mac Cuu dan anak beliau yang bernama Mac Thien Tich, Hatien menjadi sebuah pelabuhan antarabangsa yang terkenal dan maju.

Mac Cuu dan Mac Thien Tich merupakan pemimpin yang bijak mentadbir dan mempertahankan keunikan dan kemakmuran Hatien. Taat setia Mac Cuu dan Mac Thien Tich terhadap Hatien dan kerajaan selatan Vietnam adalah tidak dapat dinafikan walaupun selatan Vietnam dianggap kampung halaman kedua kepada mereka. Sumbangan kedua-dua orang tokoh tersebut kepada selatan Vietnam memang dihargai oleh semua orang selatan Vietnam. Atas usaha daripada Nguyen Huu Hao, Nguyen Huu Canh, Jeneral Tran Thuong Xuyen, Mac Cuu dan Mac Thien Tich, akhirnya mereka berjaya membantu kerajaan Nguyen mencapai matlamatnya meluaskan tanah jajahannya ke kawasan lain di selatan Vietnam.

Pada tahun 1744, apabila pemerintah Nguyen Phuc Khoat (1738-1765) mengubah beberapa dasar negara dengan mencontohi peraturan dinasti Ming, menetapkan adat istiadat kerajaan dan memakai pakaian dinasti Ming dengan mengetepikan pakaian yang sedia ada iaitu pakaian utara Vietnam, tindakan pemerintah Nguyen Phuc Khoat boleh dilihat sebagai manifesto untuk membebaskan selatan

Vietnam daripada amalan istana Le di utara Vietnam. Tambahan pula, tindakan Nguyen Phuc Khoat juga boleh dilihat sebagai satu langkah untuk menunjukkan bahawa beliau merupakan seorang pemerintah yang agung kerana beliau merupakan pemerintah yang pertama menukar gelaran *chua* (*lord*) kepada raja (*king*) dalam dinasti Nguyen di selatan Vietnam.

Kerajaan Nguyen di selatan Vietnam dapat mempertahankan kerajaannya lebih daripada dua abad (1558-1777) adalah disebabkan kebijaksanaan para pemerintah Nguyen. Nampaknya strategi mereka untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang berasingan daripada utara Vietnam adalah tepat. Namun tidak dapat dinafikan bahawa orang Cina yang berada di selatan Vietnam dari abad ke-17 hingga abad ke-18 telah memberi sumbangan yang besar kepada kejayaan kerajaan Nguyen. Orang Cina di sini bukan sahaja merupakan sumber tenaga tentera yang telah banyak membantu kerajaan Nguyen untuk meluaskan tanah jajahannya ke selatan Vietnam, malah orang Cina juga merupakan peneroka yang rajin dan kebijaksanaan mereka dalam bidang perdagangan merupakan faktor utama kemajuan ekonomi di selatan Vietnam.

Selain itu, para pemerintah Nguyen yang berfikiran terbuka dengan melantik imigran Cina yang berpengalaman dan berkelayakan untuk memegang jawatan-jawatan penting sama ada dalam bidang politik mahupun ekonomi telah banyak membantu kelancaran pentadbiran kerajaan Nguyen di selatan Vietnam. Tindakan ini juga merupakan faktor kejayaan selatan Vietnam di bawah pemerintahan dinasti Nguyen.

Para pemerintah kerajaan Nguyen iaitu bermula dari Nguyen Hoang (1558-1613), Nguyen Phuc Nguyen (1613-1635), Nguyen Phuc Lan (1635-1648), Nguyen Phuc Tan (1648-1687), Nguyen Phuc Tran (1687-1691), Nguyen Phuc Chu (1691-1725), Nguyen Phuc Tru (1725-1738), Nguyen Phuc Khoat (1738-1765) sehingga Nguyen Phuc Thuan (1765-1777), semuanya merupakan pemimpin yang berkaliber dalam usaha meluaskan tanah jajahannya di selatan Vietnam. Akhirnya selatan Vietnam di bawah pimpinan mereka telah menjadi sebuah kerajaan yang kuat dan makmur.

Dinasti Nguyen di selatan Vietnam mula merosot pada penghujung tahun pemerintahan Nguyen Phuc Thuan (1765-1777) apabila berlakunya pemberontakan Tay Son pada tahun 1771 yang dimulakan oleh tiga orang adik beradik Tay Son yang bernama Nguyen Nhac (1752-1793), Nguyen Hue (1752-1792) dan Nguyen Lu (1752-1792). Menurut Nguyen Hue, matlamat mereka ialah menamatkan penindasan terhadap rakyat, menyatukan utara Vietnam dan selatan Vietnam serta memulihkan kuasa Maharaja Le di Hanoi, utara Vietnam. Pada tahun 1773, tentera Tay Son berjaya menakluki Qui Nhon. Sementara Dong Nai Dai Pho jatuh ke tangan tentera Tay Son pada tahun 1778 dan Nguyen Nhac mengisytiharkan dirinya sebagai maharaja. Maka tamatnya pemerintahan kerajaan Nguyen yang telah memerintah selatan Vietnam selama 219 tahun iaitu dari tahun 1558 sehingga tahun 1777.

Sementara pada tahun 1782, tentera Tay Son menakluki Cholon iaitu lima kilometer dari Saigon. Nguyen Hue menaiki takhta pada tahun 1788 dengan gelaran maharaja Quang Trung. Selepas kemangkatan maharaja Quang Trung pada tahun 1792,

anaknya yang bernama Nguyen Quang Toan menaiki takhta pada tahun 1792 sehingga 1802.

Pemerintahan adik beradik Tay Son di Vietnam tamat apabila Nguyen Phuc Anh berjaya merampas balik Thang Long (Hanoi) pada tahun 1802, beliau memerintah Vietnam dengan gelaran maharaja Gia Long. Pada tahun yang sama, maharaja Gia Long menyatukan utara Vietnam dan selatan Vietnam menjadi Vietnam.